



SUKU TAHUN (2/2026)



Lawatan Penanda Aras Sistem Pengurusan Kualiti Bersepadu (ISO) ke Majlis Perbandaran Taiping

28 April 2026 – Majlis Perbandaran Taiping (MPT) telah menerima lawatan penanda aras daripada Majlis Daerah Tanjong Malim (MDTM) bagi Sistem Pengurusan Kualiti secara bersepadu melibatkan ISO 9001:2015 (Quality Management System - QMS), ISO 45001:2018 (Occupational Health and Safety Management System - OHS) serta ISO 37001:2016 (Anti-Bribery Management System - ABMS).

Delegasi lawatan ini diketuai oleh Dr. Shazree Idzham bin Wahab Abdul Rahman, Yang Dipertua Majlis Daerah Tanjong Malim, Encik Roslan bin Kamaruzaman, Setiausaha, bersama pegawai dan kakitangan MDTM. Ketibaan delegasi ini disambut oleh Tuan Mohamed Akmal bin Dahalan, Yang Dipertua MPT bersama pegawai-pegawai.

Lawatan ini bertujuan untuk berkongsi amalan terbaik serta memperkukuh pelaksanaan sistem pengurusan berkualiti dan berintegriti dalam perkhidmatan awam. Selain itu, ia juga menjadi platform pertukaran ilmu, pengalaman serta penambahbaikan berterusan ke arah penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap, selamat, dan berakauntabiliti.



Lawatan Penanda Aras Majlis Daerah Jeli ke MPT

29 April 2026 – Majlis Perbandaran Taiping (MPT) telah menerima kunjungan lawatan penanda aras daripada Majlis Daerah Jeli (MDJ) yang diketuai oleh En. Wan Fahazil bin Wan Mohamad Jaffar, Yang Dipertua bersama Tn. Haji Nik Abdul Halim bin Haji Nik Hassan, Setiausaha serta pegawai-pegawai MDJ.

Ketibaan delegasi telah disambut oleh Tuan Mohamed Akmal bin Dahalan, Yang Dipertua MPT bersama Puan Hasmonaliza binti Hassan Basari, Setiausaha Perbandaran, Ahli-Ahli Majlis serta pegawai-pegawai MPT.

Lawatan dimulakan dengan sesi taklimat dan perkongsian mengenai latar belakang serta pembangunan bandar Taiping, diikuti dengan sesi pertukaran pandangan dan amalan terbaik antara kedua-dua pihak. Turut dikongsikan adalah pencapaian sektor pelancongan Taiping yang terus menunjukkan perkembangan positif, dengan keunikan bandar warisan, landskap semulajadi serta tarikan ikonik seperti Zoo Taiping & Night Safari yang berjaya menarik kehadiran pelancong domestik dan antarabangsa.

Delegasi seterusnya dibawa melawat salah satu produk ikonik Taiping iaitu Zoo Taiping & Night Safari yang merupakan antara tarikan utama pelancongan di negeri Perak.

Lawatan ini diharap dapat memperkukuh hubungan strategik antara Pihak Berkuasa Tempatan serta membuka ruang kerjasama dalam meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat.



SUKU TAHUN (2/2026)



Majlis Ikrar Bebas Rasuah MPT

21 Mei 2026 – Majlis Perbandaran Taiping (MPT) telah mengadakan Majlis Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) bagi memberi penekanan terhadap komitmen dan janji yang dizahirkan oleh pimpinan organisasi serta warga kerja dalam memastikan setiap pegawai yang menandatangani ikrar tersebut lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas serta menjauhkan diri daripada sebarang perlakuan rasuah.

Yang Dipertua MPT, Tuan Mohamed Akmal bin Dahalan berkata, pelaksanaan Ikrar Bebas Rasuah ini merupakan manifestasi komitmen berterusan MPT dalam memperkukuhkan integriti, ketelusan dan tadbir urus yang baik dalam penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat.

Seramai 526 orang warga kerja MPT serta 22 orang Ahli Majlis telah hadir melafazkan Ikrar Bebas Rasuah dengan diketuai oleh Yang Dipertua dan diiringi Setiausaha Perbandaran. IBR ini telah disaksikan oleh YBr. Ketua Penolong Kanan Pesuruhjaya, Tuan Azizul bin Ahmad Sarkawi, Pengarah SPRM Negeri Perak.

Majlis ini dianjurkan sebagai tanda komitmen bersama dalam membudayakan integriti dan menolak sebarang bentuk rasuah dalam organisasi.



Audit Pemantauan Semula Secara Bersepadu Sistem Pengurusan MPT

Sesi Audit Pemantauan Semula Secara Bersepadu Sistem Pengurusan Majlis Perbandaran Taiping (MPT) iaitu MS ISO

9001:2015 (Quality Management System - QMS), MS ISO 37001:2016 (Anti-Bribery Management System - ABMS) dan MS ISO 45001:2018 (Occupational Health and Safety Management System - OHSMS) telah berlangsung pada 24 hingga 26 Jun 2026.

Pada 24 Jun 2026 sesi audit dimulakan dengan Mesyuarat Pembukaan Audit yang dipengerusikan oleh Tuan Mohamed Akmal bin Dahalan, Yang Dipertua MPT, bersama-sama Puan Setiausaha Perbandaran dan pegawai-pegawai MPT.

Pasukan audit daripada National Institute of Safety and Health (NIOOSH) yang diketuai oleh Encik Hasnan bin Jamaludin bersama-sama 3 orang ahli pasukan audit yang lain telah dipertanggungjawabkan untuk menjalankan sesi audit di MPT.

Audit ini bertujuan menilai keberkesanan pelaksanaan sistem pengurusan yang diamalkan oleh MPT dalam memastikan pematuhan terhadap keperluan piawaian dalam aspek pengurusan kualiti, integriti serta keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Semoga sesi audit ini menjadi pemangkin kepada usaha penambahbaikan berterusan MPT dalam memperkukuh mutu penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai.



Diterbitkan oleh :
Unit Korporat dan Perhubungan Awam,
Majlis Perbandaran Taiping.